

PM yakin Kerajaan Perpaduan bertahan hingga tamat penggal

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin Kerajaan Perpaduan pimpinannya akan bertahan sehingga tamat penggal pentadbiran.

Perdana Menteri sekali gus menampelak kenyataan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang yang mendakwa kononnya Kerajaan Perpaduan akan tumbang.

“Apa sahaja yang dikata Presiden PAS, saya yakin gabungan ini akan bertahan hingga habis penggal.

“Ia (kenyataan itu) tidak lebih hanya retorik politik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapatama Sesi Interaksi

Perdana Menteri bersama Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia secara maya sempena Sesi Pemukiman Wisma Putra, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Terdahulu Wisma Putra berkata, sesi interaksi membabitkan 106 ketua perwakilan diplomatik Malaysia di luar itu bertemakan ‘Diplomasi dalam Dunia Globalisasi dari Lensa Malaysia MADANI’.

Sesi interaksi itu adalah pertemuan pertama Perdana Menteri dengan ketua perwakilan diplomatik Malaysia.